



Dr Mahathir menaiki kereta hyper elektrik NIO EP9 yang dipandu Jazeman pada Majlis Pelancaran Festival GT Asia di Litar Antarabangsa Sepang, semalam.

PROJEK KERETA NASIONAL KETIGA

Dr Mahathir bidas pengkritik

➔ Bertujuan pelajari teknologi kejuruteraan automotif terbaru: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

✦ Sepang

Tun Dr Mahathir Mohamad menempelak pihak yang mengkritik hasrat kerajaan memperkenalkan projek kereta nasional ketiga.

Perdana Menteri berkata, hasrat mewujudkan jenama kereta nasional baharu sebenarnya bertujuan mempelajari teknologi kejuruteraan automotif terbaru.

“Orang fikir kereta kita tidak bagus, jangan beli kereta Malaysia, sebaliknya beli kereta buatan asing. Mereka kata jangan buat kereta nasional ketiga, ia tidak bagus,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Festival GT Asia di sini, semalam.

GT Asia adalah perlumbaan kesinambungan daripada Kejuaraan GT China yang memuktuskan untuk memasuki peringkat saingan antarabangsa. Buat masa ini, perlumbaan di Sepang adalah satu-satunya pusingan yang berlangsung di luar China.

Dr Mahathir berkata, pihak

yang mengkritik hasrat berkenaan sebenarnya tidak tahu mengenai kejuruteraan automotif.

“Awak lihat, adakah mereka lihat teknologi yang terbabit di sini (Festival GT Asia)? Enjin yang digunakan? Rakyat Malaysia sangka mereka tahu semua, tidak mahu kereta ketiga, hanya merugikan kata mereka, tapi mereka tidak tahu apa-apa.”

Kecapi kemajuan dalam masa singkat

“Mereka tidak tahu langsung pasal kejuruteraan automotif. Sebab itu kita ingin memperkenalkan kereta nasional ketiga untuk mempelajarinya,” katanya.

Perdana Menteri berkata, China boleh mengecapi kemajuan dalam masa singkat kerana me-

reka menerima langkah untuk menceburi industri automotif.

“Kita lihat bagaimana China berkembang dalam industri automotif dalam jangka masa pendek kerana mereka terima industri automotif,” katanya.

Jun tahun lalu, Dr Mahathir mencadangkan jenama kereta nasional baharu bagi menggantikan Proton yang tidak dianggap sebagai jenama nasional selepas hampir separuh ekuitinya dijual kepada syarikat asing, Geely.

Susulan itu, mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Projek Kereta Nasional Baharu (NNCP) pada 12 Oktober dan 14 Disember tahun lalu bersetuju Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dijadikan penyelaras kepada Kementerian yang terbabit dalam projek berkenaan.

BH-18/3/2019 m/s: 2